



PANDUAN PELAKSANAAN BUTIRAN 26, PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014 DAN PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) (PINDAAN) 2015

1. PENDAHULUAN

Perwakilan Asing dan Pertubuhan Antarabangsa yang berada di Malaysia layak mendapat pelepasan daripada membayar CBP ke atas semua perolehan barang kecuali petroleum, di bawah Butiran 26, Jadual Pertama, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) (Pelepasan) (Pindaan) 2015, Bagaimanapun, Perwakilan Asing dan Pertubuhan Antarabangsa kerajaan perlu membayar CBP ke atas semua perolehan perkhidmatan.

Perwakilan Asing merujuk kepada Duta Besar / Pesuruhjaya Tinggi atau konsular yang ditauliahkan ke Malaysia. Mereka dikategorikan sebagai wakil negara mereka yang berada di Malaysia atas urusan tugas rasmi.

2. TUJUAN

Tujuan panduan ini disediakan untuk membantu:

- i) Pembekal yang menjual barang kepada Perwakilan Asing dan Pertubuhan Antarabangsa;
- ii) Perwakilan Asing dan Pertubuhan Antarabangsa yang mendapatkan pelepasan CBP atas perolehan barang yang dibeli dalam negeri.

3. PROSEDUR PELAKSANAAN

Perwakilan Asing dan Pertubuhan Antarabangsa

- 3.1 Perwakilan Asing dan Pertubuhan Antarabangsa boleh membuat pembelian dalam negara semua jenis barang kecuali petroleum di bawah Butiran 26, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) (Pindaan) 2015 tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

3.1.1 Barang digunakan untuk kegunaan rasmi di Perwakilan Asing dan Pertubuhan Antarabangsa ;

3.1.2 Barang dibeli daripada orang berdaftar.

Tatacara Mendapatkan Pelepasan CBP

3.2 Kementerian Luar atau Wisma Putra yang mengawal selia Perwakilan Asing dan Pertubuhan Antarabangsa di Malaysia perlu:

3.2.1 Memastikan pegawai yang menandatangani sijil adalah pegawai yang ditetapkan (designated) oleh missi diplomat, pejabat konsular dan pertubuhan antarabangsa.

3.2.2 Mengesahkan barang yang hendak dipohon pelepasan adalah barang untuk kegunaan rasmi di missi diplomat, pejabat konsular dan pertubuhan antarabangsa melalui pengesahan ke atas sijil atau dokumen lain yang berkaitan dengan mencatatkan:

“Certified to be correct by the Ministry of Foreign Affairs”

.....
(Name of Officer/Rank)

Tel No:.....

.....
(Ministry's stamp)

Date:.....

(Rujuk Lampiran ‘A’)

Tindakan Pihak Perwakilan Asing dan Pertubuhan Antarabangsa

3.3 Perwakilan Asing dan Pertubuhan Antarabangsa yang telah diberi pelepasan CBP:

i) tidak boleh melupuskan, menjual, memindahkan dalam negara atau tidak mengakaunkan, dengan syarat CBP telah dibayar ke atas barang yang diberikan pelepasan;

- ii) hendaklah menyimpan rekod atau akaun barang yang dibeli bagi tujuan pemeriksaan / pengauditan pegawai CBP.

ii) Pembekal/Penjual

Tindakan Pihak Pembekal Tempatan

- 3.4 Bagi mendapatkan pelepasan daripada mengenakan dan memungut CBP ke atas pembekalan barang bercukai yang dibuat kepada Perwakilan Asing dan Pertubuhan Antarabangsa, CBP tidak perlu dikenakan ke atas pembekalan bercukai dalam invois yang dikeluarkan kepada Perwakilan Asing dan Pertubuhan Antarabangsa dengan membuat catatan seperti berikut:

“Dilepaskan daripada mengenakan CBP bagi pembekalan kepada orang yang diberi pelepasan di bawah Butiran 26, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) (Pindaan) 2015”. (**rujuk LAMPIRAN ‘B’**).

- 3.5 Pihak pembekal hendaklah memastikan Sijil di bawah Perintah CBP (Pelepasan) 2014 yang dikemukakan oleh Perwakilan Asing dan Pertubuhan Antarabangsa mengandungi semua butir-butir dan telah ditandatangani oleh mana-mana pegawai yang ditetapkan (designated) oleh misi diplomat, pejabat konsular atau pertubuhan antarabangsa yang berkaitan. Pengesahan juga dibuat oleh pihak Kementerian Luar Negeri (Jabatan Protokol) seperti di para 4.2.1. Satu salinan sijil tersebut hendaklah disimpan oleh pihak pembekal.
- 3.6 Pihak pembekal hendaklah mengikrar dalam Butiran 13, Bahagian C, Penyata GST-03, jumlah nilai pembekalan diberi pelepasan CBP.
- 3.7 Pihak pembekal hendaklah menyimpan rekod berkaitan pembekalan yang tidak dikenakan CBP di mana melibatkan tuntutan cukai input bagi tujuan pemeriksaan/pengauditan pegawai CBP.

4. KESIMPULAN

Diharap panduan ini dapat membantu Perwakilan Asing dan Pertubuhan Antarabangsa bagi mendapatkan pelepasan CBP atas perolehan barang ; dan juga membantu pihak pembekal tidak mengenakan dan memungut CBP ke atas pembekalan barang kepada Perwakilan Asing dan Pertubuhan Antarabangsa di bawah Butiran 26, Jadual Pertama, Perintah CBP (Pelepasan) (Pindaan) 2015.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila emelkan kepada Abd. Razak bin Ahmad Arshad (razak.arshad@customs.gov.my), Patmawaty bt Jubily (patmawaty.j@customs.gov.my) atau Roslan bin Akibon (roslan.akibon@customs.gov.my).

Disediakan oleh;

Bahagian GST

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Tarikh: 2 April 2015

JADUAL KETIGA / THIRD SCHEDULE**BAHAGIAN 1 /PART 1**

**AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014
GOODS AND SERVICES TAX ACT 2014**

**SIJIL DI BAWAH PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014
CERTIFICATE UNDER THE GOODS AND SERVICES TAX (RELIEF) ORDER 2014**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa barang yang diperihalkan di atas adalah
I hereby certify that the goods described above are

*diperolehi daripada/dibekalkan kepada _____

* acquired from/supplied to _____

(Nama dan alamat orang atau pertubuhan yang berkenaan dengan pelepasan yang dituntut)
(Name and address of the person or the establishment in respect of the relief claimed)

dan pelepasan daripada *pengenaan/pembayaran cukai barang dan perkhidmatan adalah dituntut di bawah Butiran _____
and relief from *charging/payment of goods and services tax is claimed under Item _____

Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan di dalamnya.

of the Goods and Services Tax (Relief) Order 2014 subject to the conditions therein specified.

Tandatangan _____
Signature _____

Nama _____
Name _____

No. Kad Pengenalan _____
Identity Card No. _____

Pangkat _____
Rank _____

Tarikh _____
Date _____

Disahkan oleh :
Certified by :

Tandatangan _____
Signature _____

Nama _____
Name _____

Jawatan _____
Designation _____

Tarikh _____
Date _____

*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

*Delete whichever is not applicable

Example of Tax Invoice for Supply Given Relief

The words "Tax Invoice"	TAX INVOICE			Tax Invoice serial number		
Customer's name & address	BC KOMPUTER SDN.BHD. No.1, Jalan Bandar 43210 Shah Alam, Selangor (GST ID No : 100001123456) Tel : 03-33498765			Invoice No: 1111		
	ROYAL THAI EMBASSY 206, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur			Date : 25 June 2015		
	Supplier's name, address and GST			D/O No : S000345		
	Description of goods			Date of Tax Invoic		
Serial No.	Description	Quantity	Unit Price (RM)	Total (RM)		
1.	Computer – CPU (Dell)	10	2,000.00	20,000.00		
2.	Monitor (Dell 14")	10	500.00	5,000.00		
3.	Wireless Mouse (Dell)	10	250.00	2,500.00		
Quantity of goods or extent of the services supplied		Total Sales	27,500.00			
GST relief		GST @ 6%	Nil			
(Relieved from charging GST for supply to a person given relief under Item 26, First Schedule of GST (Relief) (Amendment) Order 2015)			Amount of GST			
		Total Amount Payable	27,500.00			
Total amount						
BC KOMPUTER SDN.BHD.						